



MOHD KAMARULZAMAN TAIB

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial pada tahun 1995 dan Ijazah Sarjana Pengajian Asia Tenggara pada tahun 2018 di Universiti Malaya (UM).

Beliau berkemahiran dalam bidang Teater, Drama, Kesenian Tradisional, Pengurusan Seni Budaya dalam Acara, Teater dan Majlis, dan Penulisan Kreatif.

Beliau pernah bekerja dengan ramai Pengarah Teater seperti Dr. Anuar Nor Arai, Mior Hashim Manap, Mohd Diani Kasian, Datuk Rahim Razali, Dr. Rohani Yuosof, Rosminah Tahir, Dato Ahmad Tamimi Siregar, Dr. Norzizi Zulkifli, Wisran Hadi, Dr. Zainal Latif dan ramai lagi.

Beliau turut menguasai lakonan Teater Moden dan Tradisional seperti Makyung, Randai dan Bangsawan. Beliau turut pernah menjayakan persembahan Makyung dan Wayang Kulit di Jelajah *Hawaii* di *United State of America* (USA) anjuran *East West Center* pada tahun 2016.

Pengalaman beliau yang meluas dalam pentadbiran Seni Budaya dapat dilihat dalam beberapa program seperti Minggu Ngadapseni, Program Gema Seni Tradisional, Malam Kemala Irama, Muzikal Tun Abdul Razak dan banyak lagi.

PENCAPAIAN

Beliau juga pernah memegang watak Tunku Abdul Rahman di dalam filem 1957 Hati Malaya dan Tanda Putera arahan Datin Paduka Shuhaimi Baba. Beliau juga pernah menerima Anugerah Pelakon Harapan Lelaki Terbaik Festival Filem Malaysia ke-21, Pelakon Filem Lelaki Pilihan pada tahun 2008 di Anugerah Oskar PPFM, dan Pelakon Lelaki Terbaik Telefilem Anugerah Tribute P.Ramlee RTM 2017.

Beliau turut dikenali sebagai penulis lirik dan pernah memenangi Anugerah Juara Lagu ke-17 kategori Irama Malaysia melalui lagu Nirmala nyanyian Siti Nurhaliza. Beliau juga menulis lirik lagu bagi beberapa penyanyi tersohor negara seperti Ziana Zain, Noraniza Idris, Adibah Noor, Zehra Zambri dan ramai lagi.

Beliau adalah Pensyarah di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang kini dikenali sebagai ASWARA sejak tahun 2001 bagi subjek Pengurusan Seni, Penulisan Lirik, Interpretasi Teks, Kesenian Tradisional dan Teater Tradisional dan kini beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Program Sarjana Seni Kreatif.

Beliau merupakan antara *core-team* bagi penstrukturan dan penubuhan ASWARA pada tahun 2006.